

Kosmo
9/10/16
mls 2

Bergelar Raja Muda Selangor pada majlis penuh istiadat di Istana Alam Shah

Tengku Amir Shah dimasyhurkan

Oleh SUHANA MD. YUSOP

KLANG - Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj dimasyhurkan dengan gelaran Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor dalam satu majlis penuh adat istiadat diraja di Istana Alam Shah di sini semalam.

Pengisytiharan pemsyukuran itu dilakukan oleh Tengku Lakamana Selangor, Tengku Sulaiman Shah selaku Ketua Adat Istiadat Diraja Selangor di hadapan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah dan Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin.

Dalam istiadat itu, Tengku Amir Shah mengangkat sumpah dengan melafazkan taat setia untuk melaksanakan tanggungjawab secara jujur dan ikhlas serta sentiasa patuh dalam menjunjung titah Sultan Selangor.

Baginda turut menandatangani watakah Lafaz Angkat Sumpah Gelaran yang disaksikan oleh Tengku Sulaiman Shah; Hakim Utama Mahkamah Tinggi Shah Alam, Datuk Mohd. Zabidin Mohd. Diah dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohd. Amin Ahmad Ahyia.

Pada istiadat itu, Tengku Amir Shah turut dikurniakan Keris Kebesaran Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor oleh Sultan Sharafuddin.

Mufti Selangor, Datuk Mohd. Tamyas Abdul Wahid kemudian membacakan doa sejurus istiadat pemsyukuran selesai.



TENGU AMIR (kanan) mengangkat sumpah gelaran Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor di Istana Alam Shah, Shah Alam semalam.



SULTAN Sharafuddin berkenan mengurniakan Keris Kebesaran Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor kepada Tengku Amir Shah di Istana Alam Shah. Turut berangkat Tengku Permaisuri Norashikin (kanan).

Turut hadir menyaksikan istiadat pemsyukuran itu ialah Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein; Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tem-

patan, Tan Sri Noh Omar; Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar; Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd Zin; barisan Exco dan Anggota Dewan Undangan

INFO Biodata Raja Muda Selangor

- Diputerakan pada 12 Disember 1990 di San Francisco, Amerika Syarikat
- Anak bongsu daripada tiga beradik hasil perkahwinan ayahandanya, Sultan Sharafuddin dan bondanya Puan Nurlisa Idris, seorang warganegara Amerika Syarikat.
- Mendapat pendidikan awal rendah dan menengah di Sekolah Alice Smith, Kuala Lumpur
- Melanjutkan pengajian ke Kolej Wellington, United Kingdom dari

2004 hingga 2009

- Menyambung pengajian sehingga memperoleh Ijazah Sarjana Muda Ekologi dan Biologi Alam Sekitar di Universiti Leeds, United Kingdom pada 2014
- Menjalani kursus persediaan ketenteraan di Akademi Tentera Darat di Port Dickson, Negeri Sembilan pada 23 September hingga 5 Disember 2014
- Pegawai tentera berpangkat Leftenan Muda Batalion ke-17 Rejimen Askar Melayu Diraja

Negeri Selangor serta pegawai-pegawai kerajaan.

Istiadat pemasyhuran itu turut disusuli dengan sembilan das tembakan meriam.

Raja Muda Selangor kemudian berangkat meninggalkan Balai Seri, Istana Alam Shah dan keluar dari negeri ini selama tujuh hari dan kembali untuk istiadat menjunjung duli yang akan berlangsung pada 15 Oktober ini.

Tengku Amir Shah, 25, diputerakan pada 12 Disember 1990 di San Francisco, Amerika Syarikat.

Baginda merupakan anakanda bongsu daripada tiga beradik hasil perkahwinan

ayahanda dan bondanya, Puan Nurlisa Idris yang merupakan seorang warganegara Amerika Syarikat.